

Ruj. Kami : UMPSA.100-1/3/1 (2)
Tarikh : 25 Mac 2024

Senarai edaran seperti lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 2 TAHUN 2024 MENGENAI ARAHAN CUTI REHAT WAJIB PADA 12 APRIL 2024 (JUMAAT) KEPADA SEMUA STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH SEMPERA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 1445H / 2024M

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bil. 2 Tahun 2024 mengenai Arahan Cuti Rehat Wajib Pada 12 April 2024 (Jumaat) Kepada Semua Staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445H / 2024M untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar:

- i) Puan Siti Sakinah Binti Mohtar
Eksekutif Kanan
Tel : 09- 431 6354
Emel : ssakinah@umpsa.edu.my


4. Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(HELMI BIN MOHAMED ISA)
Pengurus
Bahagian Pengurusan Governan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah



اوتورسوتي ماليسيا فونغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 2 TAHUN 2024

ARAHAN CUTI REHAT WAJIB PADA 12 APRIL 2024 (JUMAAT) KEPADA SEMUA STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 1445H / 2024M

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Pengurusan mengenai keputusan Universiti untuk mewajibkan Cuti Rehat Wajib bersempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445H / 2024M kepada semua staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

LATAR BELAKANG

- 2.0 Mulai tahun 2011 dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan Universiti telah mula melaksanakan Cuti Rehat Wajib kepada semua staf UMPSA sempena Cuti Umum Hari Raya Aidilfitri 1445H.
- 3.0 Pelaksanaan Cuti Rehat Wajib tersebut adalah bertujuan untuk mengelakkan pembaziran tenaga elektrik terutamanya melalui penggunaan pendingin hawa, lampu dan sebagainya memandangkan staf yang tidak memohon cuti dan dijangkakan bekerja pada tarikh yang telah dikenalpasti adalah pada jumlah yang sangat kecil

PELAKSANAAN

- 4.0 Bersempena Hari Raya Aidilfitri tahun 1445H / 2024M, dijadualkan bakal disambut pada 10 April 2024 (Rabu), Pihak Pengurusan Universiti telah memutuskan agar 12

April 2024 (Jumaat) diisytiharkan sebagai Cuti Rehat Wajib kepada semua staf UMPSA.

- 5.0 Selain daripada itu, Pihak Pengurusan Universiti juga telah bersetuju untuk memberikan pelepasan awal kepada semua staf UMP pada 9 April 2024 (Selasa) bagi membolehkan semua staf merancang perjalanan dengan baik. Staf adalah dibenarkan untuk meninggalkan UMPSA mulai jam 1.00 petang.
- 6.0 Walau bagaimanapun, staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan keselamatan Univeristi ataupun staf yang diarahkan bertugas pada waktu berkenaan oleh Ketua Jabatan di atas faktor-faktor kepentingan Universiti, diberi pengecualian daripada pelepasan awal pada 9 April 2024 (Selasa) dan daripada diwajibkan mengambil Cuti Rehat pada 12 April 2024 (Jumaat).

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 7.0 Dalam melaksanakan dasar Cuti Rehat Wajib ini dan penguatkuasaannya dikalangan staf Universiti Malaysia Pahang, semua Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk mengambil tindakan seperti berikut:
 - 7.1 Semua staf dikehendaki mengambil cuti rehat pada tarikh tersebut kecuali staf yang bertugas atas faktor kepentingan perkhidmatan atau berkaitan keselamatan universiti sahaja diberi pengecualian dari dasar Cuti Rehat Wajib ini; dan
 - 7.2 Keselamatan pejabat serta langkah-langkah penjimatan dilaksanakan seperti memastikan semua akses ke jabatan berada di dalam keadaan terkunci sebelum ditinggalkan, pendingin hawa, lampu, alat elektrik dan lain-lain ditutup sebelum bercuti panjang.

TANGGUNGJAWAB STAF

- 8.0 Dalam melaksanakan dasar Cuti Rehat Wajib ini dan penguatkuasaannya dikalangan staf Universiti Malaysia Pahang, semua staf adalah dikehendaki untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- 8.1 Staf adalah bertanggungjawab untuk merekodkan daftar masuk dan keluar pada 9 April 2024 (Selasa) melalui sistem kehadiran staf UMPSA.
- 8.2 Menjaga keselamatan pejabat serta melaksanakan langkah-langkah penjimatan seperti memastikan semua akses ke jabatan berada di dalam keadaan terkunci sebelum ditinggalkan, pendingin hawa, lampu, alat elektrik dan lain-lain ditutup sebelum bercuti panjang.

TARIKH KUAT KUASA

- 9.0 Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bilangan 2 Tahun 2024 ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 25 Mac 2024

SENARAI EDARAN

1. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
2. **YBhg. Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Ruslim bin Mohamed**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin Bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah Binti Gono**
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina Binti Mamat**
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
11. **Ketua Pegawai Maklumat**
12. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
13. **Semua Pengurus Besar/ Pengurus Kanan**
14. **Semua Pengarah Kanan**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Bahagian/ Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**

